

# 董事部及家教协会条例 1998 年家教 协会条例

## AKTA PENDIDIKAN 1996 PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PERSATUAN IBU BAPA - GURU) 1998

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 130(2)(i) Akta Pendidikan 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### BAHAGIAN I PERMULAAN

1. (1) Peraturan - Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan - Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa - Guru) 1998.  
(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 26 Mac 1998.
2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.
3. Dalam Peraturan - Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain - "pemegang - pemegang jawatan" ertinya -
  - (a) mana - mana orang yang telah dicalon dan dipilih oleh anggota Persatuan Ibu Bapa - Guru dalam mesyuarat agung tahunan; atau
  - (b) mana - mana anggota yang dilantik oleh Yang Dipertua untuk menggantikan anggota jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa - Guru yang sebelum mesyuarat agung tahunan yang akan datang telah meninggal dunia atau meletak jawatan; atau
  - (c) mana - mana orang yang dilantik oleh Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian atau Pendaftar (bagi sesuatu Negeri yang tidak mempunyai Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian) melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah Peraturan - Peraturan ini menjadi anggota jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa - Guru;

"Persatuan Ibu Bapa - Guru" ertinya persatuan yang ditubuhkan di bawah peraturan 4;

"sekolah" bagi maksud Peraturan - Peraturan ini ertinya sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN PERSATUAN IBU BAPA - GURU

4. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dalam tiap-tiap sekolah suatu persatuan yang akan dinamakan sebagai Persatuan Ibu Bapa - Guru (kemudian daripada ini disebut "Persatuan") yang terdiri daripada -
    - (a) semua guru yang mengajar dalam sekolah itu;
    - (b) ibu bapa kepada murid yang belajar dalam sekolah itu; dan
    - (c) Guru Besar atau Pengetua sekolah sebagai anggota ex-officio dan Penasihat Persatuan.
  - (2) Warganegara Malaysia yang tidak mempunyai anak atau jagaan yang belajar dalam sekolah itu tetapi berminat menjadi anggota Persatuan boleh memohon sama ada kepada Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian atau Pendaftar (bagi sesuatu Negeri yang tidak mempunyai Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian), untuk menjadi anggota.
  - (3) Tiap-tiap ibu bapa dan guru dalam sekolah hendaklah disifatkan sebagai anggota Persatuan.
  - (4) Bagi maksud Peraturan - Peraturan ini, Persatuan bukanlah suatu persatuan dalam erti mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran pertubuhan.
5. (1) Tujuan - tujuan Persatuan ialah -
    - (a) untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhimatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah dalam meningkatkan imej sekolah;
    - (b) untuk membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka;
    - (c) untuk membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan;
    - (d) untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding antara satu sama lain berkenaan dengan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya; dan
    - (e) untuk membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah untuk berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.
  - (2) Kegiatan Persatuan hendaklah diarahkan kepada kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah di mana Persatuan ditubuhkan.
  - (3) Persatuan boleh, dengan kebenaran Guru Besar atau Pengetua, menganjurkan kegiatan kurikulum dan kokurikulum di dalam atau di luar sekolah, dengan menggunakan tenaga mahir atau pakar daripada kalangan anggota atau bukan anggota Persatuan bagi tujuan meningkatkan pencapaian akademik atau perkembangan murid secara menyeluruh.
  - (4) Persatuan dibenarkan mengutip apa-apa sumbangan yang diputuskan dalam mesyuarat agung tahunan daripada anggota dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar.
  - (5) Persatuan tidak boleh memperluaskan bidang kuasa Persatuan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pentadbiran sekolah, pekerjaan dan syarat-syarat perkhimatan guru dan kakitangan yang lain dalam sekolah.
  - (6) Persatuan tidak boleh menjadi jentera bagi menyelesaikan pertikaian atau perkara-perkara lain yang berkaitan antara Persatuan dengan Guru Besar atau Pengetua atau kakitangan sekolah di mana Persatuan ditubuhkan atau Pejabat Pendidikan Daerah atau Pejabat Pendidikan Bahagian atau Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan atau Kerajaan Negeri atau Persekutuan.

### BAHAGIAN III ORGANISASI DAN PENGURUSAN PERSATUAN

6. (1) Persatuan hendaklah ditubuhkan oleh Guru Besar atau Pengetua dalam tiap-tiap sekolah.  
(2) Persatuan hendaklah diuruskan oleh suatu jawatankuasa mengikut perlembagaan Persatuan.  
(3) Jawatankuasa hendaklah mengandungi tidak kurang daripada lima dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota yang dipilih dalam mesyuarat agung tahunan Persatuan.  
(4) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (2), Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian atau Pendaftar (bagi sesuatu Negeri yang tidak mempunyai Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian) boleh melantik tidak lebih daripada dua orang perseorangan yang bukan anggota Persatuan untuk menjadi anggota jawatankuasa.  
(5) Orang perseorangan yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah orang yang mempunyai integriti, minat dan terbukti boleh menyumbang secara positif kepada kemajuan pendidikan.  
(6) Pegawai Pendidikan Daerah atau Pegawai Pendidikan Bahagian hendaklah mendapat kelulusan daripada Pendaftar berkenaan dengan pelantikan yang dibuat di bawah subperaturan (4).
7. (1) Apabila sesuatu Persatuan telah ditubuhkan oleh Guru Besar atau Pengetua, dia hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar permohonan bagi pendaftaran Persatuan sebagaimana yang terkandung dalam Jadual Pertama.  
(2) Guru Besar atau Pengetua hendaklah mengemukakan berserta permohonan itu salinan draf perlembagaan Persatuan yang hendaklah memperuntukkan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.  
(3) Pendaftar boleh, apabila berpuas hati bahawa permohonan bagi pendaftaran dibuat dengan sewajarnya, mendaftarkan Persatuan dan mengeluarkan perakuan pendaftaran sebagaimana yang terkandung dalam Jadual Ketiga.
8. Pendaftar atau wakil Pendaftar berhak menghadiri semua mesyuarat Persatuan.
9. Persatuan mempunyai kuasa untuk memiliki, mengguna dan melupuskan apa-apa harta alih atau harta tak alih Persatuan yang Persatuan berpendapat akan memudahkan Persatuan menjalankan kuasa dan kewajipan Persatuan di bawah Peraturan-Peraturan ini.
10. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dan diuruskan oleh Persatuan suatu kumpulan wang yang ke dalamnya hendaklah dibayar semua derma atau sumbangan daripada mana-mana anggota terhadap tujuan-tujuan Persatuan.  
(2) Persatuan hendaklah menyimpan atau mengarahkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod yang lain berkenaan dengan perjalanan Persatuan dan hendaklah juga mengarahkan supaya disediakan penyata kira-kira bagi tiap-tiap tahun kewangan.  
(3) Akaun Persatuan hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh dua orang yang bukan anggota jawatankuasa dan mereka hendaklah dicalon dan dipilih oleh anggota Persatuan.  
(4) Persatuan dengan persetujuan mesyuarat agung tahunan dibenarkan mendapatkan khimat juruaudit bertauliah bagi tujuan mengaudit akaun Persatuan.  
(5) Guru Besar atau Pengetua dibenarkan memeriksa akaun Persatuan.



## BAHAGIAN IV AM

11. (1) Guru Besar atau Pengetua sekolah di mana Persatuan ditubuhkan hendaklah membantu keperluan perkeranian dan alat tulis Persatuan.
  - (2) Semua keperluan lain Persatuan selain daripada yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah menjadi tanggungjawab Persatuan.
  
12. (1) Jika Pendaftar berpuas hati sama ada atas sesuatu aduan atau atas yang lain-lain bahawa sesuatu Persatuan atau anggota Persatuan -
  - (a) telah bertindak atau bercadang untuk bertindak secara tidak munasabah berkenaan dengan perjalanan apa-apa kuasa yang diberikan atau penunaian apa-apa kewajipan yang dikenakan oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini atau oleh perlembagaan Persatuan; atau
  - (b) telah tidak menunaikan mana-mana kewajipan yang dikenakan ke atas Persatuan atau anggota Persatuan oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;

Pendaftar boleh –

  - (aa) memberikan apa-apa arahan secara bertulis tentang perjalanan kuasa atau penunaian kewajipan sebagaimana yang Pendaftar dapati suaimanfaat, dan adalah menjadi kewajipan Persatuan atau anggota Persatuan mematuhi arahan itu; atau
  - (bb) menggantung atau membuang semua atau mana-mana pemegang jawatan Persatuan dan, walau apa pun peruntukan mana-mana peraturan-peraturan atau perlembagaan Persatuan, melantik seorang atau beberapa orang sebagaimana yang Pendaftar fikiran layak untuk mempunyai dan menjalankan semua fungsi pemegang-pemegang jawatan Persatuan itu selama apa-apa tempoh yang diarahkan oleh Pendaftar.
  
- (2) Jika pada bila-bila masa, bagi sesuatu Persatuan dalam mana-mana sekolah tiada ada pemegang jawatan, Pendaftar boleh melantik seorang atau beberapa orang yang Pendaftar fikirkan layak untuk menjalankan fungsi-fungsi pemegang jawatan bagi Persatuan itu selama apa-apa tempoh yang diarahkan oleh Pendaftar.
  
13. Persatuan tidak boleh bergabung dengan mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan atau persatuan yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat berhubungannya.
  
14. Kaedah-Kaedah Persatuan Ibu Bapa - Guru-guru, 1973 dibatalkan.

**JADUAL PERTAMA**  
**AKTA PENDIDIKAN 1996**  
**PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN**  
**(PERSATUAN IBU BAPA - GURU) 1998**  
**PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN PERSATUAN**  
(Subperaturan 7(1))

Kepada:  
Pendaftar Sekolah dan Guru,  
d/a Jabatan Pendidikan,

1. Butir-butir Persatuan:

(a) Nama : \_\_\_\_\_

(b) Tempat di mana urusan akan dijalankan atau mesyuarat-mesyuarat akan diadakan, dan alamat pos (jika berlainan):

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(c) Bilangan anggota:

\_\_\_\_\_

(d) Tahun kewangan Persatuan pada:

\_\_\_\_\_

(e) Nama (termasuk apa-apa nama lain), nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat pemegang-pemegang jawatan dan jawatan yang dipegang:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

2. Dua salinan perlembagaan Persatuan yang diperakui dilampirkan bersama.

Bertarikh \_\_\_\_\_ 19 \_\_\_\_\_

(Tandatangan) \_\_\_\_\_

(Nama) \_\_\_\_\_

(Jawatan) \_\_\_\_\_

**JADUAL KEDUA**  
**AKTA PENDIDIKAN 1996**  
**PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN**  
**(PERSATUAN IBU BAPA - GURU) 1998**

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DALAM PERLEMBAGAAN PERSATUAN

(Subperaturan 7(2))

Perkara-perkara yang berikut hendaklah diperuntukkan dalam perlembagaan Persatuan:

- (a) nama dan pejabat berdaftar atau alamat pos berdaftar Persatuan;
- (b) tujuan-tujuan Persatuan;
- (c) tempat di mana mesyuarat-mesyuarat Persatuan akan diadakan, jika sekiranya tempat itu berlainan dengan pejabat berdaftar Persatuan;
- (d) keanggotaan dan cara pelantikan jawatankuasa dan jawatan, kuasa dan fungsi-fungsi pemegang-pemegang jawatan bagi Persatuan;
- (e) punca-punca pendapatan Persatuan;
- (f) kuasa atau kuasa-kuasa membelanjakan wang Persatuan;
- (g) penyimpan akaun-akaun pendapatan dan perbelanjaan Persatuan dan penyiaran akaun-akaun itu kepada anggota Persatuan tiap-tiap tahun;
- (h) kuorum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana-mana mesyuarat Persatuan;
- (i) mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung tergepar; dan
- (j) cara bagaimana perlembagaan Persatuan boleh dipinda.

Bertarikh \_\_\_\_\_ 19 \_\_\_\_\_

(Tandatangan) \_\_\_\_\_

(Nama) \_\_\_\_\_

(Jawatan) \_\_\_\_\_

**JADUAL KETIGA**  
**AKTA PENDIDIKAN 1996**  
**(PERSATUAN IBU BAPA – GURU) 1998**  
**PERAKUAN PENDAFTARAN**  
(Subperaturan 7(3))

Adalah diperakui bahawa Persatuan Ibu Bapa - Guru

---

(Nama Sekolah)  
telah didaftarkan di bawah kuasa Pendaftar.

No.Pendaftaran:

Didaftarkan pada : \_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_ 19\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Cop Rasmi : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Dibuat 3 Mac 1998

[KP(PUU)S10075/07/1/J1D.III(20);PN(PU2)569.]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK,  
*Menteri Pendidikan*